

Teks Ucapan Sempena Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Negeri Sembilan

By : YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB

Date : 08/10/2022

**TEKS UCAPAN
YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
PERDANA MENTERI**

SEMPENA

**JELAJAH ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA NEGERI
SEMBILAN**

**8 OKTOBER 2022 | SABTU | 3.30 PETANG
DATARAN SERI JEMPOL, BANDAR SERI JEMPOL, NEGERI
SEMBILAN**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.**

Salutasi

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat ALLAH SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berkumpul bersama-sama

pada petang ini bagi menjayakan **Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) Negeri Sembilan** di Dataran Seri Jempol.

2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Sembilan terutamanya Yang Amat Berhormat Dato 'Seri Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan dan seluruh warga Kerajaan Negeri Sembilan selaku tuan rumah.

3. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada Kementerian Kesihatan (KKM) sebagai kementerian peneraju khususnya kepada Menteri, Yang Berhormat Tuan Khairy Jamaluddin dan seluruh Keluarga KKM atas penganjuran JAKM siri kesepuluh di Negeri Sembilan ini.

4. **Apo koba waghiih sumo?** Semoga seluruh Keluarga Malaysia di Negeri Sembilan ini sihat sejahtera hendaknya. Saya berasa teruja dengan sambutan hebat yang diberikan oleh orang Negeri Sembilan yang hadir beramai-ramai dari seluruh pelusuk negeri.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

5. Konsep Keluarga Malaysia yang saya ilhamkan pada 22 Ogos 2021 yang lalu semakin menebal dalam jati diri masyarakat majmuk Keluarga Malaysia pada hari ini kerana konsep itu sendiri sangat dekat dengan kita.

6. Keluarga Malaysia menggambarkan keutuhan negara yang terikat dengan nilai didikan sempurna dalam sebuah keluarga dan bersifat inklusif kerana merentasi sempadan agama, bangsa dan kaum.

7. Idea yang dicetuskan ini bukanlah sekadar slogan atau retorik semata-mata. Lihat sahaja di Negeri Sembilan, pendekatan ini amat sinonim dengan rakyat di negeri ini yang terkenal dengan warisan budaya dan masyarakatnya yang berbilang suku tetapi hidup dalam suasana yang harmoni dan saling bantu-membantu antara satu sama lain.

8. Dengan Keluarga Malaysia, kita hidup dalam sebuah institusi keluarga yang sentiasa berperanan memelihara agama, melindungi keselamatan, menjaga maruah, memastikan nasib setiap ahli keluarga terbela dan sebagainya.

9. Sudah pasti, jika ada antara ahli keluarga kita yang ditimpa musibah, ahli keluarga yang lain juga turut terasa tempiasnya, bak kata perbidalan orang lama Nogori “tercencang paur, tergerak andailah”. Tidak mungkin ada ikatan istimewa seperti ini dalam bentuk yang lain.

10. Meskipun ada dalam kalangan kita yang berbeza kepercayaan, latar belakang dan budaya, namun kita meraikan Keterangkuman, Kebersamaam dan Kesyukuran dalam menjunjung semangat Keluarga Malaysia sebagai sebuah negara bangsa.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

11. Bagi negara yang memiliki bangsa dan budaya yang majmuk seperti Malaysia, sifat tasamuh atau toleransi juga amat penting sebagai alat dalam menyatu-padukan kita semua.

12. Kemakmuran negara dapat dipertahankan melalui sifat tasamuh dengan cara menghargai, menghormati dan menerima perbezaan yang berlaku dalam masyarakat majmuk, seperti mana yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW ketika membangunkan kota suci Madinah.

13. Sikap yang dituntut dalam Islam ini, bukan sahaja membolehkan rakyat terus membangun sehingga dihormati, tetapi juga dapat mengelak daripada sebarang perbalahan yang sia-sia.

14. Dengan bersendikan konsep Keluarga Malaysia dan tasamuh ini, segala perbezaan dan kepelbagaian yang dikurniakan Tuhan di bumi bertuah ini, mampu dirai dan dihargai oleh seluruh rakyat dengan hati yang terbuka.

15. Usah dicemari keharmonian dan kedamaian yang kita kecapai hari ini dengan berita palsu dan provokasi melampau yang dilakukan oleh segelintir pihak yang cemburu atau mempunyai niat tertentu terutamanya di media sosial.

16. Justeru, saya mengajak seluruh Keluarga Malaysia untuk terus Teguh Bersama sebagai sebuah keluarga yang kalis cabaran dalam menghadapi gelombang dan arus globalisasi.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

17. Malaysia kini bukan sahaja signifikan di mata dunia, malah telah membuktikan pencapaian ekonomi dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 8.9 peratus pada suku kedua 2022 berbanding 5.0 peratus pada suku pertama 2022.

18. Pencapaian yang direkodkan ini adalah yang terbaik di Asia Tenggara. Keyakinan kepada ekonomi negara juga jelas dalam kalangan pelabur antarabangsa.

19. Untuk separuh pertama, pelaburan langsung asing (FDI) mencatat aliran langsung bersih lebih tinggi bernilai RM41.7 bilion berbanding RM23.3 bilion sebelum pandemik.

20. Pertumbuhan ekonomi suku kedua Malaysia juga adalah tertinggi di ASEAN dan lebih tinggi berbanding beberapa negara maju dan serantau seperti:

China: 0.4 peratus

Amerika Syarikat; 1.6 peratus

Korea: 2.9 peratus

EU: 4.0 peratus

Singapura: 4.4 peratus

Indonesia: 5.4 peratus

Filipina: 7.4 peratus

21. Ekonomi negara tahun ini dijangka mencapai sasaran antara 5.3 peratus hingga 6.3 peratus dengan mengambil kira pencapaian separuh pertama tahun 2022 sebanyak 6.9 peratus.

22. Kenaikan harga merupakan satu fenomena global yang turut dialami oleh kebanyakan negara. Namun begitu, kadar inflasi negara adalah pada kadar 4.7 peratus dalam bulan Ogos 2022, lebih rendah berbanding beberapa negara serantau dan negara iaitu:

- **Zon Euro** (9.1 peratus).
- **Amerika Syarikat** (8.3 peratus).
- **Thailand** (7.9 peratus).
- **Filipina** (6.3 peratus) dan
- **Republik Korea** (5.7 peratus).

23. Ini adalah kerana kesan daripada langkah-langkah intervensi kerajaan dalam menstabilkan harga barangan menerusi pemberian subsidi terbesar dalam sejarah kewangan negara iaitu sebanyak RM77.7 bilion, bagi

memastikan Keluarga Malaysia tidak terlalu terbeban dengan cabaran kos sara hidup.

- Petrol, diesel dan LPG (RM41.7 bilion);
- Minyak masak paket 1 kg dan minyak botol (RM3.0 bilion);
- Bil elektrik (RM5.8 bilion);
- Kepenggunaan lain-lain (RM1.5 bilion); dan
- Bantuan-bantuan lain seperti tunai, pendidikan, pengangkutan dan pertanian (RM25.7 bilion).

24. Sekiranya subsidi ini tidak disediakan, kadar inflasi negara boleh mencecah sehingga 10.6 peratus. Dengan jumlah pemberian subsidi yang terus meningkat ini, ia sekaligus menolak dakwaan sesetengah pihak bahawa Kerajaan menarik balik subsidi beberapa barang keperluan asas.

25. Momentum pemulihan ekonomi bukan sekadar pertubuhan KDNK tetapi pemulihan pasaran kerja apabila kadar pengangguran di negara kita menurun daripada 5.3 peratus pada Mei 2020 kepada 3.7 peratus pada Jun 2022.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

26. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Keluarga Malaysia Negeri Sembilan atas sambutan yang

meriah serta komitmen padu kepada penganjuran Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Negeri Sembilan pada kali ini.

27. Ibarat kata pujangga “**Ikatan yang menghubungkan keluarga sejati bukanlah ikatan darah, tetapi rasa hormat dan sukacita dalam kehidupan satu sama lain.**”

28. Dengan kata-kata dan harapan tersebut, saya dengan **lafaz Bismillahirrahmanirrahim, merasmikan Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Negeri Sembilan.**

Sekian,

Wabillahitaufiq Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Copyright of the Prime Minister’s Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2022/10/jelajah-aspirasi-keluarga-malaysia-negeri-sembilan/>